

**UCAPAN
YAB DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI
SEMPENA PERASMIAN RAINFOREST DISCOVERY CENTRE
DI SEPILOK, SABAH
10 OGOS 2007**

BISMILLAHIR RAHMANIR RAHIM

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH DAN SALAM SEJAHTERA

YAB DATUK SERI MUSA BIN HAJI AMAN
KETUA MENTERI SABAH

YBHG. DATUK SAM MANNAN
PENGARAH, JABATAN PERHUTANAN SABAH

DIF-DIF KEHORMAT

SAUDARA DAN SAUDARI SEKALIAN

1. ALHAMDULILLAH, MARILAH KITA SAMA-SAMA MEMANJATKAN KESYUKURAN KE HADRAT ALLAH S.W.T., KERANA DENGAN LIMPAH KURNIA DAN INAYAH-NYA, MAKA DAPAT KITA BERKUMPUL DI MAJLIS YANG PENUH BERMAKNA INI.

2. PADA TAHUN LEPAS, SAYA TELAH BERPELUANG UNTUK HADIR DI DERAMAKOT UNTUK MENYAKSIKAN SKIM PENGURUSAN HUTAN MAPAN (ATAU "SUSTAINABLE FOREST MANAGEMENT") BAGI 55,000 HEKTAR TANAH HUTAN SIMPAN DI NEGERI SABAH INI.

3. SAYA MERASA AMAT BERTUAH KERANA DAPAT HADIR SEKALI LAGI DI SABAH UNTUK MENYAKSIKAN SATU LAGI PERKEMBANGAN YANG AMAT MEMBANGGAKAN DALAM MEMPERKASA PENGURUSAN HUTAN SECARA MAPAN DAN LESTARI.

4. SAYA TELAH DIMAKLUMKAN BAHAWA BEBERAPA JEMPUTAN KHAS DARIPADA LUAR NEGARA TELAH DAPAT HADIR PADA HARI INI. I WOULD LIKE TO WISH ALL OUR FOREIGN GUESTS A VERY GOOD MORNING, AND A WARM WELCOME TO OUR BEAUTIFUL LAND OF MALAYSIA.

SAUDARA DAN SAUDARI SEKALIAN

5. PENGURUSAN HUTAN YANG MAPAN DAN LESTARI ADALAH KOMPONEN YANG AMAT PENTING DALAM USAHA PEMELIHARAAN ALAM SEKITAR. HUTAN HUJAN – DENGAN KEPELBAGAIAN BIOLOGI (ATAU "BIOLOGICAL DIVERSITY") DAN FUNGSI EKOLOGI YANG AMAT MUSTAHAK – ADALAH SUMBER UTAMA BAGI AIR DAN KEHIDUPAN DI MUKA BUMI INI.

6. PERI PENTINGNYA PENGURUSAN HUTAN, SERTA PERANAN HUTAN DALAM PENGEKALAN KEPELBAGAIAN BIOLOGI SERTA ALAM SEKITAR, KINI SUDAH DIPERAKUI SECARA GLOBAL. KEPENTINGAN EKOSISTEM HUTAN TELAH MENJADI SUBJEK YANG DIBERI PERHATIAN TINGGI DALAM PELBAGAI FORUM DAN PERSIDANGAN ANTARABANGSA, TERMASUKLAH "CONVENTION ON BIOLOGICAL

DIVERSITY" (C.B.D.) DAN "UNITED NATIONS FRAMEWORK CONVENTION ON CLIMATE CHANGE" (U.N.F.C.C.).

7. PENGURUSAN SERTA PENGGUNAAN SUMBER HUTAN PERLU DILAKSANAKAN DENGAN BERPANDUKAN PRINSIP KEMAPANAN. SEBAGAI CONTOH, PENGURUSAN HUTAN SECARA MAPAN AKAN MELIBATKAN:

A. PENGENALPASTIAN KAWASAN "HUTAN PENGELUARAN" DALAM KAWASAN HUTAN KEKAL UNTUK PENGELUARAN BALAK SECARA TERKAWAL;

B. PENGELUARAN BALAK YANG DILAKUKAN SECARA BERKALA UNTUK MEMBOLEHKAN PEMULIHAN SEMULA KAWASAN YANG TELAH DITEBANG;

C. PEMANTAUAN UNTUK MEMASTIKAN AGAR PENEBAHAN TERHAD KEPADA KAWASAN "HUTAN PENGELUARAN";

DAN LAIN-LAIN AKTIVITI YANG TURUT MENYUMBANG KEPADA PENGELUARAN BALAK DAN HASIL HUTAN SECARA TERATUR, TANPA MENJEJASKAN EKOSISTEM HUTAN.

8. PENGURUSAN HUTAN YANG MAPAN ADALAH PERLU, BAGI MENJAMIN ALAM SEKITAR YANG LESTARI. KITA MEMPUYAI TANGGUNGJAWAB YANG BESAR UNTUK MEMASTIKAN AGAR KITA DAPAT MENGEKALKAN ALAM SEKITAR YANG PERMAI DAN INDAH UNTUK GENERASI AKAN DATANG.

SAUDARA DAN SAUDARI SEKALIAN

9. DI ATAS KESEDARAN TERHADAP TANGGUNGJAWAB INI, MAKA PIHAK KERAJAAN TELAH MENETAPKAN KOMITMEN YANG TINGGI UNTUK MEMASTIKAN AGAR PENGURUSAN DAN PENGGUNAAN SUMBER HUTAN AKAN TERUS DILAKSANAKAN SECARA MAPAN.

10. KITA AMAT BERSYUKUR KERANA SETELAH 50 TAHUN KITA MENGECAPI NIKMAT KEMERDEKAAN, NEGARA KITA MASIH MAMPU MENGEKALKAN KIRA-KIRA 60 PERATUS DARIPADA KAWASAN TANAH KESELURUHAN DI MALAYSIA – IAITU SEBANYAK 19.52 JUTA HEKTAR – SEBAGAI KAWASAN HUTAN. DARIPADA JUMLAH TERSEBUT, SEBANYAK 14.39 JUTA HEKTAR TELAH DIWARTAKAN SEBAGAI KAWASAN HUTAN SIMPAN KEKAL, MANAKALA SEBANYAK 3.21 JUTA HEKTAR LAGI TELAH DIKENALPASTI SEBAGAI KAWASAN TERPELIHARA.

11. PIHAK KERAJAAN JUGA TELAH MENGAMBIL LANGKAH UNTUK MENGGALAKKAN PENGURUSAN HUTAN YANG MAPAN. KHUSUSNYA, KERAJAAN TELAH MELANCARKAN SEBUAH SISTEM KRITERIA, PETUNJUK, AKTIVITI, DAN PIAWAIAN BAGI PEMERAKUAN PENGURUSAN HUTAN PADA TAHUN 2001. MENJELANG TAHUN 2005, SEBANYAK 67 SYARIKAT TELAH DIPERAKUI DALAM PENGGUNAAN SISTEM TERSEBUT.

12. DALAM RANCANGAN MALAYSIA KE-SEMBILAN, PIHAK KERAJAAN AKAN MENGAMBIL BEBERAPA LANGKAH LAGI UNTUK MEMPERKASAKAN PENGURUSAN SUMBER HUTAN SECARA MAPAN DAN LESTARI. PEMELIHARAAN PRODUK HUTAN SERTA KAWASAN TADAHAN AIR AKAN DIGALAKKAN, DI SAMPING PEMBANGUNAN SUMBER HUTAN SECARA MAPAN MELALUI PEMBUATAN PRODUK HERBA DAN

PERUBATAN, PELANCONGAN EKOLOGI (ATAU "ECO-TOURISM"), DAN CARIGALI BIOLOGI (ATAU "BIO-PROSPECTING").

SAUDARA DAN SAUDARI SEKALIAN

13. USAHA JABATAN PERHUTANAN SABAH UNTUK MEMBANGUNKAN PUSAT PENEMUAN HUTAN HUJAN (ATAU "RAINFOREST DISCOVERY CENTRE" – R.D.C.) MERUPAKAN SATU INISIATIF YANG AMAT BERTEPATAN DENGAN DASAR KERAJAAN UNTUK MEMELIHARA KELESTARIAN HUTAN DI MALAYSIA.

14. SAYA PERCAYA BAHAWA PUSAT SEBEGINI AKAN MEMBANTU USAHA UNTUK MENDIDIK MASYARAKAT AWAM TENTANG KEPENTINGAN HUTAN HUJAN DI NEGARA KITA, DI SAMPING MENGGALAKKAN PERTUMBUHAN PELANCONGAN EKOLOGI DI NEGERI SABAH.

15. KESEDARAN TENTANG PERI PENTINGNYA SUMBER HUTAN DI KALANGAN MASYARAKAT AWAM ADALAH SESUATU YANG PERLU KITA PUPUK, KHUSUSNYA DI KALANGAN ANAK-ANAK KITA. SEBAGAI GENERASI PEWARIS HARAPAN NEGARA, ANAK-ANAK KITA PERLU MENYAMBUNG USAHA UNTUK MEMELIHARA SUMBER HUTAN KITA, AGAR ALAM SEKITAR TERUS DIJAGA DAN DINIKMATI BERSAMA.

16. SAYA JUGA MENYOKONG PENUH USAHA JABATAN PERHUTANAN SABAH UNTUK MENJANA INDUSTRI PELANCONGAN EKOLOGI MELALUI PUSAT INI. SAYA PERCAYA BAHAWA USAHA BEGINI BUKAN SAHAJA DAPAT MEMBANTU JABATAN PERHUTANAN UNTUK MENJANA PENDAPATAN BAGI PENGURUSAN PUSAT INI, MALAH AKAN DAPAT MENAMBAH NILAI KEPADA SUMBER HUTAN DI NEGERI SABAH.

17. SAYA INGIN MENGUCAPKAN TAHNIAH KEPADA KERAJAAN NEGERI SABAH DAN JABATAN PERHUTANAN NEGERI DI ATAS USAHA MURNI INI. SAYA JUGA BERHARAP AGAR PENGALAMAN DALAM MEMBANGUNKAN PUSAT SEUMPAMA INI AKAN DAPAT DIKONGSI BERSAMA DENGAN PIHAK-PIHAK BERKUASA DI NEGERI-NEGERI LAIN, AGAR KITA DAPAT MEMASTIKAN BAHAWA MANFAAT DARIPADA USAHA SEBEGINI DAPAT DINIKMATI DI SELURUH PELOSOK TANAH AIR.

LADIES AND GENTLEMEN

18. TO OUR FOREIGN GUESTS, I WOULD LIKE TO THANK ALL OF YOU FOR BEING HERE. THE PROTECTION OF OUR FORESTS IS AN IMPORTANT ENDEAVOUR, PARTICULARLY FOR MALAYSIA'S RAINFORESTS WHICH CONSTITUTE AN IMPORTANT SOURCE OF BIO-DIVERSITY.

19. THE MALAYSIAN GOVERNMENT CONTINUES TO BE FULLY COMMITTED TOWARDS ENSURING THE SUSTAINABILITY OF OUR FORESTS. THROUGH THE PRACTICE OF SUSTAINABLE FOREST MANAGEMENT, WE HOPE TO ENSURE THE PROTECTION OF OUR FORESTS.

20. AT THE SAME TIME, THE ESTABLISHMENT OF INSTITUTIONS SUCH AS THIS RAINFOREST DISCOVERY CENTRE WOULD HELP TO RAISE PUBLIC AWARENESS OF THE IMPORTANCE OF OUR FORESTS. THIS IS PARTICULARLY IMPORTANT, IF WE ARE TO ENSURE THAT OUR CHILDREN WOULD STAND TO INHERIT A PURE AND PRISTINE ENVIRONMENT.

SAUDARA DAN SAUDARI SEKALIAN

21. ADA UNGKAPAN LAMA YANG MENYATAKAN: "KITA TIDAK MEWARISI BUMI INI DARIPADA NENEK MOYANG KITA, TETAPI SEBENARNYA KITA MEMINJAM DARIPADA ANAK CUCU KITA."

22. MARILAH KITA SAMA-SAMA BERGANDING BAHU DEMI UNTUK MEMASTIKAN AGAR ALAM SEKITAR YANG KITA MILIKI INI, DAPAT KITA PULANGKAN KEPADA ANAK CUCU KITA NANTI, SEBAGAI SEBUAH WARISAN YANG TERINDAH.

23. MAKA DENGAN ITU, DENGAN LAFAZ BISMILLAHIR RAHMANIR RAHIM, SAYA DENGAN SUKACITANYA MERASMIKAN "RAINFOREST DISCOVERY CENTRE".

SEKIAN, TERIMA KASIH.